

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

DATUK MUSA TEMUI ISLAM KOREA

SEOUL, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengadakan perbincangan dengan masyarakat Islam Korea Selatan di masjid Seoul, dan diberi taklimat mengenai cadangan pembinaan sebuah universiti di sini oleh Persekutuan Islam Korea (Federation of Korean Muslim).

Sebelum itu, Datuk Musa dan rombongan menunaikan sembahyang Jumaat di masjid tersebut.

Ketibaan beliau disambut oleh imamnya, Haji Mustaffa Moon dan anggota jawatankuasa persekutuan.

Pada tahun 1980, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika itu Timbalan Perdana Menteri, melawat masjid ini dan meluluskan bantuan \$100,000 untuknya.

Sebelum itu, Datuk Musa melawat sebuah kilang elektronik di Kompleks Perusahaan Kecil untuk mengkaji bagaimana sebuah perusahaan bermodal kecil dapat berkembang dengan pesat.

Barang keluaran kilang itu bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah dieksport ke Amerika Syarikat dan Indonesia.

Datin Maria Musa pula merasmikan penamaan kapal pengangkut peluru berpandu TLDM, KD Sri Mahawangsa, di sebuah limbungan di Masan, 45 km. dari Pusan.

Upacara itu disaksikan oleh Panglima TLDM, Laksamana Madya Datuk Mohamed Zain Mohamed Salleh serta para pegawai dan anak kapal Sri Mahawangsa.

— Dari AMIN HUSAINI HARUN — Bernama.